

PM: Patutkah anak raja tak berkelakuan baik jadi sultan?

U.M. - 8 DEC 1992

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Dato' Sri... Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah perlu difikirkan sama ada patut seseorang anak raja yang didapati tidak berkelakuan baik dilantik sebagai pengganti sultan.

Kata Perdana Menteri, jika seseorang anak raja itu suka memukul orang dan sebagainya, adalah perlu difikirkan apakah dialayak menjadi raja.

"Kelakuan anak raja mestilah sesuai dengan peranannya atau perlantikannya sebagai raja kemudian hari. . . saya khuatir terhadap kemungkinan terjejasnya imej raja pada pandangan rakyat sekiranya kekerasan yang dilakukan oleh kerabat diraja berulang lagi," katanya kepada para pemberita selepas memsmikan Persidangan Kc-13 Persekutuan Antarabangsa Badan-badan Bukan Kerajinan Mengenai Dadah di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kejadian Tengku Bendahara Johor, Tengku

Majid Idris yang didapati bersalah oleh Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) kerana memukul penjaga gol hoki Perak Julai lepas dalam Sukan Sukma dan insiden terbaru yang melibatkan jurulatih hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Douglas Gomez yang dikatakan dipukul ketika dipanggil mengadap ke Istana Bukit Serene, Johor Baharu, awal minggu lalu.

Dr. Mahathir juga diminta mengulas mengenai tindakan beberapa buah negeri di negara ini yang melantik bakal pengganti sultan daripada mereka yang tidak tersenarai pada awalnya di dalam hirarki kesultanan negeri berkenaan.

Katanya, jika keadaan seperti ini berterusan, anak-anak raja yang dilantik memegang jawatan Raja Muda tidak semestinya akan dilantik menjadi sultan sekiranya mereka berkelakuan tidak baik.

Beliau menambah, kelakuan seseorang anak raja yang dilantik ke jawatan tersebut

mestilah sesuai dengan peranan dan perlantikannya sebagai bakal sultan.

Menurut beliau, pada zaman pemerintahan British dahulu biasa berlaku kejadian anak raja yang memegang jawatan Raja Muda terpaksa diganti kerana berkelakuan tidak baik.

Ditanya adakah amalan tersebut boleh dilaksanakan sekarang, Dr. Mahathir menjelaskan, pada zaman pemerintahan British perkara tersebut dilaksanakan dan ia tidak menimbulkan apa-apa masalah.

Mempunyai

Diminta mengulas lebih lanjut lagi mengenai perkara itu, beliau berkata: "Itulah, kalau kita dapati seorang anak raja tidak lagi mempunyai kelayakan, kita harus fikir sama ada dia patut dilantik atau tidak menjadi sultan."

Dr. Mahathir berkata, disebabkan sistem perlantikan raja-raja telah ditetapkan di ne-

geri-negeri tertentu, institusi raja di negeri berkenaan mestilah mematuhi sistem tersebut.

Perdana Menteri juga diminta memberi pandangan terhadap titah ucapan Sultan Azlan Shah ketika Seri Paduka masih menyandang jawatan Hakim Besar Malaya, semasa berucap sempena penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Universiti Sains Malaysia pada tahun 1980.

Dalam ucapan tersebut Seri Paduka menyatakan, raja-raja Melayu mestilah menjaga kewibawaan institusi beraja sekiranya tidak mahu dipindahkan ke Muzium Negara sebagai tinggalan sejarah.

Berhubung ucapan tersebut, Dr. Mahathir menasihatkan raja-raja Melayu supaya mengambil iktibar daripada apa yang telah dinyatakan oleh bekas Hakim Besar Malaya itu.

"Saya fikir raja-raja patut mengambil kira pendapat bekas Hakim Besar Malaya itu," ujar beliau.